

**Cuepacs Gesa SPA Wujud Mekanisme Ambil Semula Penjawat Awam
Bernama
23 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Tindakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) mengambil semula penjawat awam yang telah berhenti untuk berkhidmat, perlu melalui satu mekanisme, saran Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs).

Presiden Cuepacs Datuk Omar Osman berkata cadangan SPA itu baik, bagaimanapun satu mekanisme bagi memastikan kriteria mereka yang boleh diambil semula bekerja dengan perkhidmatan itu perlu diadakan.

Ini supaya tidak menjejaskan kelayakan pegawai yang sedang berkhidmat dalam sektor awam untuk mendapat kenaikan pangkat, katanya kepada Bernama di sini pada Isnin.

"Kami sambut baik cadangan SPA itu tetapi mereka (SPA) perlu fikir mekanisme yang melayakkan mereka untuk diambil semula bekerja dalam sektor awam, kerana ramai penjawat awam yang sedang berkhidmat dan mereka mempunyai prestasi yang baik.

"Mereka perlu ada satu keistimewaan atau potensi yang dapat dilihat untuk diambil semula, seperti contoh pengalaman dan produktiviti mereka," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682597>

